

31 MAY 2003

MARA-IKS

SEJUMLAH RM150 JUTA PINJAMAN DISEDIAKAN MARA UNTUK PKS

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Majlis Amanah Rakyat (MARA) memperuntukkan sejumlah kira-kira RM150 juta pinjaman kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) setiap tahun.

Timbalan Ketua Pengarah (Usahawan) MARA, Ali Abdul Rahman Omar berkata, setiap projek IKS diperuntukkan pula had maksimum pinjaman sebanyak RM1 juta.

"Mereka perlu melalui prosedur biasa permohonan pinjaman dan kelulusan akan diberi kepada yang layak," katanya kepada media selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-5 Persatuan Pesara MARA Malaysia di sini hari ini.

Katanya bagi membantu PKS, MARA sedaya upaya mempercepatkan permohonan dan mengambil masa sekurang-kurangnya 50 hari.

Beliau diminta mengulas saranan kerajaan kepada institusi kewangan supaya memberi sokongan kepada PKS dan memastikan mereka dapat menerima kemudahan seumpama itu dengan mudah.

Dalam pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata PKS akan terus dibangunkan bagi membolehkan mereka menjadi pemangkin dalam menjana pelaburan domestik.

Sementara itu, Pengurus Besar, Bahagian Takaful Keluarga, Takaful Malaysia, Md Azmi Abu Bakar yakin industri takaful di negara ini akan terus berkembang baik dengan purata 30 peratus setahun.

"Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) telah memberi kesan yang positif kepada industri ini berikutan kesedaran yang semakin tinggi di kalangan orang awam," katanya selepas menyampaikan polisi Takaful kepada 26 pesara MARA.

Katanya, Takaful Malaysia memegang kira-kira 15 peratus pasaran Takaful negara dengan 15 peratus polisinya dipegang oleh bukan Islam.

"Produk kami adalah terbuka kepada semua dan memberi pulangan yang kompetitif. Jika kefahaman di kalangan bukan Islam semakin tinggi, kami yakin mereka akan ambil daripada kami," katanya.

Takaful Malaysia menawarkan produk takaful am dan keluarga.

Dalam kenyataan tahunan 2002, Takaful Malaysia menjangkakan jumlah penyertaan badan korporat termasuk syarikat multinasional dalam pelbagai produk takafulnya, akan terus meningkat.

Jumlah pendapatan Takaful Malaysia dalam tahun kewangan 2002 meningkat sebanyak 31 peratus kepada RM71.54 juta daripada RM54.46 juta dalam tahun sebelumnya.

Walaupun bagaimanapun, kumpulan itu mencatatkan keuntungan bersih yang agak rendah iaitu RM10.34 juta.-- BERNAMA

MAS OS